

# FETech UniMAP Tubuh Kumpulan PENYELIDIKAN SMART

PENYELIDIKAN

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FETech) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), mengorak langkah dengan menubuhkan Kumpulan Penyelidikan "Sport, Material & Advanced Research Technology (SMART) yang akan memberi fokus kepada penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi. SMART merupakan kumpulan penyelidikan yang menggabungkan teknologi sukan serta teknologi bahan yang mana fokus penyelidikan menumpukan kepada peningkatan kualiti dan mutu sukan di negara ini.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof Dr. Kamarudin Hussin berkata, penubuhan kumpulan penyelidikan tersebut juga adalah susulan kepada penawaran program pengajian baru di bawah FETech iaitu Kejuruteraan Teknologi Sukan yang dijangka mengambil pelajar pertama September tahun ini. "Semoga produk penyelidikan SMART ini bukan sahaja memberi manfaat besar untuk UniMAP



sebaliknya masyarakat sejagat serta mampu menghasilkan inovasi yang dapat meningkatkan mutu dan prestasi atlit sekaligus memantapkan mutu sukan negara," ujar beliau. Beliau berkata demikian selepas melancarkan Kumpulan Penyelidikan SMART bersempena Malam Penghargaan FETech dan Pusat Kecemerlangan Teknologi Hijau dan Geopolimer (CeGeoGTech) serta pelancaran Buku Laporan Tahunan CeGeoGTech. Majlis tersebut dianjurkan khusus untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kumpulan penyelidik FETech dan CeGeoGTech yang meraih pelbagai kejayaan sepanjang tahun 2014 yang lalu. Dalam pada

itu, Datuk Kamarudin berkata, penawaran program Teknologi Kejuruteraan ini bukanlah agenda UniMAP sebaliknya pendidikan teknikal dan kejuruteraan yang lebih realistik merupakan suatu agenda penting kerajaan dalam usaha menyokong pertumbuhan industri negara. Ujar beliau, ia berikutan kurikulumnya yang digubal khusus bagi menyeimbangi kemahiran kerja dan ilmu pengetahuan dan pada masa sama memberikan fokus agar masyarakat tidak hanya tahu menggunakan segala teknologi terkini malah turut sama menjadi penyumbang utama terhadap penghasilan teknologi.